

28/11/1999

Kedutaan asing usah campur tangan

KOTA TINGGI: Kementerian Luar memberi ingatan kepada kedutaan asing supaya tidak mencampuri proses pilihan raya umum negara ini, kerana tindakan seumpama itu boleh menjejaskan hubungan dua hala dengan negara terbabit.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata campur tangan beberapa kedutaan asing dalam urusan pilihan raya umum boleh menimbulkan tanda tanya dan pelbagai persoalan.

Sambil menyifatkan tindakan Wisma Putra memberi amaran dan meminta penjelasan daripada kedutaan asing berhubung isu berkenaan adalah tepat, beliau menjelaskan, soal tanda tanya tidak perlu timbul dalam menjalinkan hubungan diplomasi.

Menurutnya, campur tangan mereka dalam urusan politik parti seperti bertemu orang politik, mendengar ceramah dan hadir pada sidang akhbar sama ada parti pembangkang atau pemerintah yang tiada kaitan dengan mereka boleh menimbulkan keraguan.

"Dalam hubungan diplomasi tidak perlu timbul tanda tanya dan keraguan kerana ia boleh menjejaskan hubungan baik dua hala di antara negara.

"Kedutaan asing tidak boleh mencampuri urusan dalaman politik negara sama ada secara rasmi atau tidak rasmi," katanya kepada pemberita di Majlis Pecah Tanah Bangunan Baru Hospital Kota Tinggi, di sini semalam.

Bangunan tambahan satu blok empat tingkat itu membabitkan kos RM16 juta akan dilengkapi wad bersalin, wad kanak-kanak, perpustakaan, pusat rakan bayi, pusat khidmat bersepadu dan pusat lanjutan perkhidmatan.

Ditanya mengenai pemimpin BN sentiasa menekankan pentingnya kemenangan dua pertiga kepada rakyat, beliau berkata, ia adalah ingatan supaya rakyat turut sama membantu kerajaan menangkis cabaran dalaman dan luaran yang mahu menjejaskan keamanan dan kestabilan negara.

Katanya, pemimpin kerajaan BN termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berterusan mengingatkan rakyat mengenai perkara itu kerana parti pembangkang sentiasa menghasut rakyat supaya tidak keluar mengundi sekali gus memberi laluan pakatan pembangkang memerintah negara.

"Kerajaan tekankan pentingnya kemenangan melebihi dua pertiga kerana ada kumpulan (parti pembangkang) yang berusaha mengelirukan minda rakyat supaya tidak mempercayai kerajaan sedia ada (BN).

"Kerajaan perlu menjelaskan isu itu supaya rakyat tidak tersalah pilih ketika mengundi pada hari pengundian Isnin ini," katanya.

(END)